

BAB KETIGA

USLŪB KHABARĪ

3.1 PENGENALAN

Ilmu al-Ma‘ānī adalah salah satu topik perbincangan yang amat penting dalam ilmu Balaghah¹ kerana ia merupakan satu ilmu yang membincangkan tentang penggunaan bahasa dalam kehidupan harian, di mana bahasa merupakan medium paling penting dalam pengurusan hidup, antara kepentingan ilmu ini boleh disenaraikan seperti berikut:

- i. Untuk mengetahui *i‘jaz² al-Qur‘ān* yang diturunkan oleh Allah S.W.T, di mana di dalamnya terdapat pelbagai bentuk penggambaran dan cerita yang boleh dilihat melalui susunannya yang tersendiri dan teratur, kelembutan kata-kata, dan lain-lain elemen yang berkaiian dengan penggunaan bahasa bertepatan maksud yang dikehendaki.³
- ii. Untuk mengetahui rahsia–rahsia *fasāhah⁴* dan *balāghah¹* yang terdapat dalam prosa dan puisi Arab serta dapat membezakan antara ungkapan yang elok dan sebaliknya²

¹ Balaghah memberi maksud sampai kepada kehendak dan mencapai matlamat, ilmu Balaghah terbahagi kepada 3 bahagian iaitu ilmu al-Bayān, al-Ma‘ānī dan al-Badī‘. Ilmu Balaghah diasaskan oleh Abd al-Qāhir al-Jurjānī pada kurun ke lima, lihat: Muqaddimah al-kitāb al-Imām abd al-Qāhir al-Jurjānī, *Asrār al-Balāghah fī ‘Ilm al-Bayān*, c1 Beirut: Dar al-Kutub al-‘Imiyah

² Kata terbitan dari kata dasar أُعْجَزَ membawa erti melemahkan. *i‘jaz al-Qur‘ān* maksudnya al-Quran melemahkan pihak lain untuk mendatangkan seperti apa yang terdapat di dalamnya. Lihat: Muhammad Abd al-‘Azīm (1367 h), *Manāhil al-‘Irfān Fī Ulūm al-Qu‘ān*, j2 c3 Misr: Matba‘h Īsā al-Babī al-Ḥalabī Wa Shurakāhu, h 331

³ Ahmad al-Hāshimī (tt) *Jawāhir al-Balāghah*, Beirut, Dār al-Turāth al-‘Arabī, h 47

⁴ Bermaksud kejernihan dan kejelasan, keterangan dan keselamatan lafaz. Faṣāhah terbahagi kepada dua jenis iaitu *faṣāhah al-Kalimah* iaitu sunyinya perkataan daripada pengulangan huruf yang sama atau huruf-

Ilmu al-Ma‘ānī diambil daripada daripada tiga sumber yang paling penting³ iaitu al-Quran, al-Hadith, Syair dan *Nathar*⁴. Topik perbincangan ilmu al-Ma‘ānī yang penting ialah *uslūb insyā’ī* dan *uslūb khabarī*.

Dalam bab ketiga ini penulis akan mengemukakan kedua-dua *uslūb* ini supaya dapat dilihat dengan jelasnya susunan dan perbezaan antara kedua-dua *uslūb* ini. Walau bagaimanapun penekanan terhadap *uslūb khabarī* akan difokuskan memandangkan topik perbincangan tesis ini adalah ditumpukan secara khusus, terutamanya tentang penggunaannya dalam al-Quran.

3.2 USLŪB KHABARĪ

Dalam mengeluarkan kata-kata atau ucapan, perlu menyusun perkataan yang baik, sedap didengar dan mudah difahami, sehingga pendengar dapat memahami apa yang disampaikan, kerana tidak ada orang yang akan mengetahui isi hati orang lain atau apa yang sedang difikirkan oleh orang lain tanpa ditafsirkan melalui percakapan dan kata-kata.

Menyampaikan ungkapan yang tersimpan di dalam hati, sama ada melalui percakapan mahupun penulisan akan membongkarkan rahsia hati, menyelesaikan masalah

huruf yang memberatkan pertuturan. Jenis yang kedua ialah *faṣāhah al-Kalām* iaitu sunyi percakapan daripada perkataan yang tidak jelas maksudnya atau perkataan yang tidak berat pada sebutan

¹ Bermaksud mencapai apa yang dikehendaki. Balaghah dalam penulisan maksudnya penulis menyampaikan apa yang dimaksudkan dalam bahasa yang boleh difahami oleh pembaca atau pendengar. Telah berkata Abu Hilāl al-‘Askarī bahawa *faṣāhah* dan *balāghah* memberi maksud yang sama walaupun berlainan lafaz kerana kedua-duanya memberi makna zahir dan nyata, lihat Ahmad Al-Hāshimī (tt) op cit, h 5. Walau bagaimanapun ada pendapat yang mengatakan bahawa kedua-duanya adalah berlainan.

² Ahmad al-Hāshimī (tt) op cit, h 47

³ Ibid, h 48

⁴ *Nathr* (puisi) ialah kata-kata yang dikeluarkan tanpa *wazn* dan *qāfiyah*, ia berlawanan dengan *nazm* (prosa): lihat Ibrahim Ghīs (1973), *al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, c2 Misr: Dar al-Ma‘arif j 2, h 901

dan membuatkan perkara yang tidak difahami menjadi difahami, mencungkil perkara yang tersembunyi, seterusnya dapat memperbetulkan yang tidak betul.

3.2.1 Pembahagian *Uslūb Khabarī*

Uslūb khabarī ialah ungkapan yang dikeluarkan oleh pembicara, sama ada mengandungi unsur benar atau sebaliknya tanpa melihat kepada pembicara atau orang yang menyampaikannya.¹ Kebanyakan ulama' menganggap berita atau khabar itu benar apabila berita tersebut menepati peristiwa yang berlaku dan diakui akan kebenarannya oleh kebanyakan orang, tetapi apabila berita itu bercanggahan dengan peristiwa yang berlaku dan tidak diakui oleh orang ramai, maka berita itu dianggap tidak benar.²

Antara ayat *khabarī* yang terdapat dalam al-Quran ialah firman Allah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾

Maksudnya: Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam

Surah al-Fatihah (1) : 2

Ayat ini mempunyai unsur kebenaran kerana segala puji-pujian itu adalah untuk Allah³

Yang Maha Esa sahaja

¹ Ahmad al-Hāshimī (tt), op cit, h 45

² Faḍl Hasan 'Abbas (2005), *Al-Balāghah Funūnuhā Wa Afnānuhā*, c 10 Oman: Dār Al-Furqān, h 111.

³ Berkata ibn Jarīr: pujian khas untuk Allah Pencipta alam dan bukan kepada yang selain daripadanya, kerana hanya Dialah Pemberi nikmat dan rahmat yang tidak terhingga kepada sekalian alam, maka Dialah Yang Pertama dan Yang Terakhir patut kita mesyukurinya, lihat: Muhammad 'Ali al-Ṣabūnī (tt), *Mukhtakḥṣar Tafsīr ibn Kathīr*, Kaherah: Dar al-Ṣabūnī, J 1 h 20.

Manakala ayat yang mengandungi unsur tidak benar seperti firman Allah:

إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتَعِنَا فَأَكَلَهُ الذِّئْبُ^ط

Maksudnya: Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu dan kami telah tinggalkan Yusuf menjaga barang-barang kami, lalu ia dimakan serigala

Surah Yūsuf (12) : 17

Dalam ayat ini terdapat unsur-unsur tidak benar di sebalik kehilangan Nabi Yusuf sebagaimana diceritakan oleh saudara-saudaranya kepada bapa mereka Nabi Yaakob. Kedua-dua ayat ini dianggap sebagai ayat *khbarī* kerana mempunyai unsur tidak benar,¹ terpulang kepada pendengar sama ada mahu menerima atau menolak kebenarannya. Walau bagaimanapun terdapat berita atau *kalām* yang wajib dipercayai kebenarannya seperti cerita tentang Allah, rasul, dan ciptaan-ciptaanNya seperti bumi dan langit. Begitulah terdapat berita yang perlu kita menolak kebenarannya seperti berita yang disampaikan oleh pendusta yang mendakwa mereka sebagai nabi dan sebagainya.²

Khabar yang disampaikan boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu benar atau tidak tidak benar. Maksud kebenaran khabar mengikut ahli Balaghah diukur melalui pelbagai cara. Mengikut kebanyakan ahli Balaghah, mereka berpendapat kebenaran khabar berlaku apabila ianya bertepatan dengan realiti, dan ia akan menjadi tidak benar apabila berlaku di sebaliknya, iaitu tidak berlaku sebagaimana sepatutnya.³

¹ Dikatakan cerita yang disampaikan oleh anak-anak nabi Ya'kūb tidak benar kerana mereka melumurkan darah pada baju nabi Yusuf tetapi mereka terlupa mengoyakkan baju tersebut, mustahil bagi orang yang diserang oleh serigala sampai berdarah tetapi bajunya tidak terkoyak, bak kata pepatah Arab (أَفَةُ الْكَذِبِ السَّنَانُ), maksudnya perosak tipudaya adalah sifat cuai atau lupa, lihat: Abd al-Halīm 'Uwais (2006), *Tafsīr al-Qur'ān Li al-Nāsyi 'īn*, c1 al-Mansūrah: Dar-al-Wafā' h 250

² Ahmad al-Hāshimī (tt), op cit h 45

³ Faḍl Hasan 'Abbas (2005), *Al-Balāghah Funūnuhā Wa Afnānuhā*, c 10 Oman: Dār Al-Furqān, h 101

Apa yang boleh difahami dari kenyataan ini boleh diberikan contoh, apabila kita menyatakan bahawa si anu telah melakukan solat dan dia memang telah melakukannya, maka perkhabaran itu adalah benar, tetapi apabila dikatakan si anu telah melakukan solat sedangkan dia tidak melakukannya, maka perkhabaran ini dikira tidak benar.

Walau bagaimanapun terdapat segelintir pakar Balaghah yang mempunyai pendapat lain berkenaan kebenaran berita, pendapat golongan ini mengatakan kebenaran berita itu berlaku tidak berpandukan realiti, tetapi berdasarkan pegangan seseorang, sebagai contoh, apabila kita percaya dan berpegang bahawa si anu melakukan solat dan kita menceritakannya pada orang lain dengan kata-kata “Muhammad telah melakukan solat” walaupun pada hakikatnya Mohammad tidak melakukan solat, mengikut pandangan kumpulan ini mengatakan bahawa perkhabaran ini adalah benar.¹

Mengikut pendapat yang ketiga pula, mereka mengatakan kebenaran perkhabaran itu bergantung kepada kebenarannya, sama ada benar pada realiti dan pegangan, dan sebaliknya berita yang tidak benar bergantung kepada ketidaktepatan pada realiti dan pegangan. Mengikut pendapat ini, sekiranya berita itu benar pada realiti tetapi tidak benar pada pegangan, maka ia tidak dianggap sebagai benar. Begitu juga sekiranya berita itu benar dari aspek pegangan sahaja tetapi tidak berlaku secara realiti, maka khabar atau berita itu tidak dikira benar.² Ringkasnya, pendapat ini seolah-olah menggabungkan kedua-dua pendapat yang telah diterangkan sebelumnya tentang benar atau tidak sesuatu perkhabaran.

¹ Ibid h102

² Ibid h103

Kesimpulannya *kalām khabarī* ialah satu keterangan yang apabila kita mendengarnya, kita akan dapat memberi jawapan “ya benar” kepada kenyataan yang diakui benar atau jawapan “tidak benar” kepada kenyataan yang sebaliknya.

Selain itu, terdapat ayat-ayat yang tidak memerlukan jawapan sama ada benar atau tidak seperti dalam firman Allah:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Tunjukilah kami jalan yang lurus

Surah al-Fatihah (1) : 6

Ayat ini berbentuk permohonan daripada Allah S.W.T untuk diberi hidayah dan tidak memerlukan jawapan “ya” atau “tidak”, ia tidak dianggap sebagai *kalām khabarī* atau *uslūb khabarī*. Dalam contoh lain pula seperti يَا عَلِيُّ (wahai Ali), ungkapan seperti ini juga tidak memerlukan jawapan sama ada “ya” atau tidak, maka ia bukan dari jenis *uslūb khabarī*

3.1.2. *Uslūb Khabarī* dan Penggunaannya.

Terdapat dua tujuan utama dalam penggunaan *uslūb khabarī* iaitu tujuan asal¹ dan tujuan balaghah² iaitu tujuan lain di sebalik susunan perkataan dalam ayat.

i. Tujuan Asal

Kalām khabarī adalah ungkapan yang mengandungi makna berita, yang dikeluarkan oleh pembicara dan mempunyai tujuan yang tertentu,³ tujuan asal ungkapan atau percakapan yang disampaikan ini boleh dikategori seperti berikut :

a. Menyampaikan Berita.

Tujuan pertama ialah menyampaikan berita, tujuan ini berlaku apabila ungkapan atau isi kandungan yang akan disampaikan belum diketahui oleh pendengar. Bentuk ayat atau *uslūb* yang akan digunakan untuk tujuan ini tidak perlu menggunakan huruf-huruf *taukīd*⁴ kerana pendengar tidak tahu tentang apa yang akan disampaikan, contohnya seperti ayat:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya Muhammad adalah Rasul Allah, apabila ditujukan ungkapan ini kepada orang yang tidak maklum tentang kerasulan baginda, ayat ini tidak perlu dibuat penegasan kerana

¹ Yang dimaksudkan dengan penggunaan asal *uslūb khabarī* ialah digunakan sebagaimana maksud pada zahir ayat, sebagai contoh أَنَا أَقْرَأُ الْقُرْآنَ (saya sedang membaca al-Quran) tujuan asal ayat ini adalah untuk memberitahu bahawa orang yang bercakap memberitahu dia sedang membaca al-Quran.

² Yang dimaksudkan dengan penggunaan untuk tujuan balaghah ialah digunakan di sebalik maksud zahir ayat, sebagai contoh أَنَا أَقْرَأُ الْقُرْآنَ (saya sedang membaca al-Quran) apabila si pembicara menghendaki berbangga dengan perbuatannya bukan semata-mata untuk memberitahu bahawa dia sedang membaca al-Quran.

³ Ahmad al-Hāsyimī (tt), op cit, h 53

⁴ Akan dibincang dalam topik partikel dalam bab ini

pendengar belum mempunyai apa-apa maklumat. dan ungkapan jenis ini dinamakan sebagai *fāedah al- Khabarī*,¹

b. Menguatkan Berita

Tujuan asal yang kedua dalam menyampaikan ucapan ialah untuk menguatkan kenyataan yang telah diketahuai oleh pendengar. Menguatkan berita adalah perlu dilakukan apabila berita yang disampaikan masih tidak diyakin oleh pendengar, atau menafikan apa yang didengari, ungkapan seperti ini dinamakan sebagai *Lāzim Fā'idah*², contohnya kita memberitahu tentang kerasulan Nabi Mohamad kepada orang yang sudah mengetahui kerasulannya tetapi masih ragu-ragu atau mengingkarinya

إِنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ / إِنَّ مُحَمَّدًا لَرَسُولُ اللَّهِ

Penyampaian berita dalam bentuk ini memerlukan satu *taukīd* bagi pendengar yang masih ragu terhadap kenyataan yang diberikan dan dua huruf *taukīd* untuk menghilangkan keraguan dan penafian tersebut.

¹ Ali al-Jārim (tt), *al-Balāghah al-Wāḍiḥah*, Misr: Dār Al-Ma'ārif, , h 146

² Ahmad al-Hāshimī op.cit, h 48

ii. Penggunaan *Uslūb Khabarī* Untuk Tujuan Balaghah

Selain daripada tujuan asal dalam penyampaian berita sebagaimana dijelaskan diatas, dalam ilmu Balaghah terdapat beberapa tujuan lain untuk menyampaikan berita, antaranya ialah:

a. Memohon Rahmat Dan Belas Kasihan (الأسْتِرْحَامُ)¹

Tujuan ini dapat dilihat dalam firman Allah:

قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي

Maksudnya: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiayai diri sendiri, maka ampunilah aku.

Surah al-Qaṣaṣ (28) :16

Kalau dilihat kepada zahir ayat, sepatutnya ayat ini adalah untuk memberitahu tentang kezaliman si pembicara terhadap dirinya, tetapi tujuan di sebalik ayat ini sebenarnya ialah untuk memohon rahmat dan belas kasihan daripada Allah.

b. Melahirkan Keluhan Dan Kekecewaan (إِظْهَارُ التَّحْسُرِ)²

Contohnya firman Allah:

قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ

Maksudnya: Wahai Tuhanku! sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan

Surah Āl ‘Imrān(3):36

Dalam ayat ini, ibu kepada Maryam mengeluarkan keluhan dan kesedihannya ketika dia melahirkan seorang anak perempuan sedangkan dia mengharapkan anak laki-laki, dia tidak

¹ Faḍl Hasan ‘Abbas, op.cit, h 109

² Ibid, h107

bertujuan memberitahu bahawa dia melahirkan anak lelaki sebagaimana zahir ayat, kerana sesungguhnya demikian itu telah diketahui oleh Yang Menciptanya, tetapi tujuannya adalah untuk mengeluh dan melahirkan kekecewaan terhadap apa yang berlaku.

Seperti firman Allah:

رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي

Maksudnya: wahai Tuhanku! sesungguhnya telah lemahlah tulangku

Surah Maryam (19) : 4

Dalam ayat ini juga pembicara tidak memberi tahu tentang kelemahan dirinya tetapi dia bertujuan untuk melahirkan kelemahan dan ketuaannya yang mungkin dia tidak akan hidup lama lagi.

c. Melahirkan Kegembiraan (إِظْهَارُ الْفَرَحِ)¹

Contohnya, firman Allah

جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ

Maksudnya: Telah datang kebenaran, dan hilanglah yang salah

Surah al-Isra' (17) : 81

Penggunaan ayat ini bukan untuk memberitahu pendengar tentang datangnya kebenaran tetapi pembicara ingin menunjukkan kegembiraan yang terkandung dalam sanubarinya.

¹ Ibid, h 109

d. Ejekan (التَّوْبِيخُ)¹

Ini dapat dilihat pada kata-kata الشَّمْسُ طَالَعَةٌ (matahari sudah muncul) apabila ditujukan kepada orang yang pemalu. Pada zahir ayat kelihatan seperti pembicara ingin memberitahu tentang kemunculan matahari tetapi hakikatnya dia ingin mengejek si pemalu tadi.

e. Membuat Perbandingan (التَّذْكِيرُ مَا بَيْنَ الْمَرَاتِبِ)²

Seperti dalam Firman Allah:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ

Maksudnya: Tidaklah sama keadaan orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang yang beriman selain daripada orang yang keuzuran dengan orang yang berjihad (berjuang) di jalan Allah dengan harta dan jiwanya.

Surah al-Nisa' (4) : 95

Ayat ini juga diturunkan dengan *uslūb khabarī* bukan bertujuan untuk menceritakan ketidaksamaan antara dua golongan tersebut, bahkan untuk menerangkan perbezaan antara golongan yang keluar berperang dan sebaliknya.

¹ Ibid

² Ibid

f. Memberi Peringatan (الْوَعظُ)¹

Antara tujuan penyampaian berita lagi ialah memberi peringatan kepada pendengar seperti dalam firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

Maksudnya: Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati

Surah Āl-‘Imrān (3) : 185

Ayat ini bukanlah bertujuan memberitahu manusia bahawa setiap yang hidup itu pasti akan mati tetapi tujuannya ialah untuk memberi peringatan kepada mereka supaya mereka bersiap sedia dengan bekalan untuk dibawa ke akhirat kelak.

Terdapat banyak lagi tujuan lain selain dari apa yang disebutkan tadi yang boleh digunakan dalam percakapan harian. Teknik penggunaannya terpulang kepada kebijaksanaan dan kepandaian pembicaranya, kefahaman tentang apa yang disampaikan menyalahi tujuan asal hanya dapat dirasai oleh pendengar yang tajam akal, cerdas fikiran serta mempunyai cita rasa atau *zūk bālāghī*² yang tinggi dan mendalam.

Kesimpulan, ayat yang tercatat atau percakapan yang keluar dari mulut si pembicara tidak semestinya memberi maksud pada zahir tulisan atau lafaz yang dikeluarkan, tetapi mempunyai maksud tersirat yang ingin disampaikan. Untuk memahami maksud yang tersirat ini perlu merujuk kepada situasi semasa penyampaian berita itu disampaikan,

¹ Ibid

² *zūk* pada bahasa ialah pancaindera yang boleh merasai makanan, pada istilah pula memberi maksud kebolehan tersendiri yang dimiliki oleh individu untuk memahami dan menjiwai ungkapan yang didengari, *zūk balāghī* memberi maksud kebolehan seseorang untuk memahami istilah-istilah atau ungkapan yang mempunyai nilai balaghah yang tinggi dan mempunyai maksud tersirat di sebalik lafaz yang disampaikan kepadanya, lihat Ahmad al-Hāshimī, op cit, h 41

keadaan pendengar dan pelbagai faktor lain yang boleh membantu membongkarkan rahsia maksud ayat di sebaliknya.

3.3 TEKNIK PENYAMPAIAN *USLŪB KHABARĪ* MENGIKUT KATEGORI PENDENGAR

Untuk menyampaikan perkhabaran perlu menggunakan kaedah dan teknik tertentu, ini adalah supaya apa yang disampaikan tepat dengan orang dan situasi yang hendak disampaikan. Dalam ilmu Balaghah juga terdapat teknik penyampaian berita tersendiri, teknik-teknik ini adalah berdasarkan kategori pendengar.

3.3.1 Kategori Pendengar

Kategori pendengar mengikut perbahasan dalam ilmu Balaghah boleh dibahagikan seperti berikut:¹

- i. Pendengar yang tiada maklumat tentang berita yang disampaikan.
- ii. Pendengar yang sudah mempunyai maklumat tentang berita yang disampaikan tetapi masih ragu-ragu terhadap maklumat tersebut.
- iii. Pendengar yang sudah mempunyai maklumat tentang berita yang disampaikan tetapi tidak percaya dan menolak maklumat tersebut.

¹ Faḍl Hasan ‘Abbas (2005), op. cit.h 129

3.2.2 Teknik Penyampaian *Uslūb Khabarī*

Berpandukan situasi atau keadaan pendengar tadi pakar Balaghah telah membahagikan jenis khabar atau berita mengikut keadaan pendengar seperti berikut:

i. *Khabar 'Ībtidā'ī*

Khabar 'Ībtidā'ī ialah satu berita yang disampaikan kepada pendengar yang tiada maklumat tentang kandungan berita, *khabar* ini disampaikan tanpa bantuan huruf *taukīd*¹ seperti kata-kata أَنْتَ نَاجِحٌ (kamu berjaya) yang ditujukan kepada orang yang tidak mengetahui dan belum mendapat maklumat tentang kejayaannya.

ii. *Khabar Ṭalabī*

Khabar Ṭalabī ialah berita yang disampaikan kepada pendengar yang sudah mengetahui kandungan berita tetapi masih ragu terhadapnya, khabar ini disampaikan dengan bantuan satu huruf *taukīd* untuk menguatkan kebenaran berita tersebut,² seperti kata-kata إِنَّكَ نَاجِحٌ (kamu memang berjaya) kepada orang yang sudah tahu bahawa dia telah berjaya tetapi masih tidak yakin.

¹ Ahmad al-Ḥāshimī (tt), op.cit. h 47

² Ibid, h 48

iii. *Khabar Īngkārī*

Khabar Īngkārī ialah berita yang disampaikan kepada pendengar yang sudah mengetahui kandungan berita tetapi menolaknya, *khabar* ini disampaikan dengan menggunakan dua huruf *taukīd* untuk membuktikan kebenaran berita,¹ seperti kata-kata إِنَّكَ لَنَاجِحٌ (sesungguhnya kamu memang berjaya) kepada orang yang menafikan kejayaannya.

Penggunaan teknik penyampaian berita di atas sangat penting. Diriwayatkan bahawa al-Kindī² telah pergi berjumpa dengan Abū ‘Abbās³ dan berkata kepadanya “aku nampak kepelekan pada bahasa Arab” bertanya Abū ‘Abbās “di mana kepelekan itu?” lalu al-Kindī menjawab “aku mendengar orang Arab bercakap : عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ (Abdullah berdiri) kemudian ayat lain pula إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ (sesungguhnya Abdullah berdiri) dan yang lain pula bercakap إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ لَقَائِمٌ (sesungguhnya Abdullah memang berdiri), perkataan berulang-ulang dan pengertiannya sama, lalu Abū ‘Abbās membantah “tapi pengertiannya lain kerana berlainan susunan, yang pertama untuk memberitahu Abdullah berdiri, yang kedua untuk menjelaskan keraguan tentang berdirinya Abdullah, dan yang ketiga pula untuk menegaskan kepada orang yang menafi bahawa Abdullah berdiri, maka pengulangan perkataan itu adalah untuk menguatkan makna ayat”.⁴

¹ Ibid

² Beliau adalah Abū Yūsuf Ya‘kūb ibn Ishāq al-Kindī (185 Hijrah/805-256H/873) seorang Muslim Arab, cemerlang dalam falsafah astronomi, kimia, fizik, perubatan, matematik, muzik, psikologi dan logik, dikenali di Barat sebagai al-kindus : lihat : <http://ar.wikipedia.org/wiki/إِسْحَاقُ الْكِنْدِيُّ> (15 Jan 2012)

³ Beliau ialah Muhammad bin Yazīd bin Abd al-Akbar, seorang ulama³ dalam bidang Nahu dan Balaghah, hidup pada zaman al-‘Abbāsiyyah iaitu pada kurun ke tiga hijrah, lihat <http://ar.wikipedia.org/wiki/المُبَرِّد> (15 Jan 2012)

⁴ Faḍl Hasan ‘Abbās (2005), op.cit, h114

Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa, bahasa Arab mempunyai teknik penyampaian tersendiri, penyampain berita mengikut teknik dan cara yang betul boleh membantu pendengar memahami berita yang disampaikan dengan baik.

3.4 TEKNIK PENYAMPAIAN KHABAR MENYALAHAI PENGGUNAAN ASAL

Sebelum ini telah dibincangkan tentang tujuan asal penyampaian berita, di sini akan dibincangkan tentang teknik penyampaian berita menyalahi tujuan asal. Kadang-kadang penyampaian ungkapan atau khabar berlaku di sebalik tujuan yang disebutkan tadi, Teknik ini digunakan supaya ungkapan yang dikeluarkan lebih menarik perhatian pendengar. Antara teknik penyampaian ini ialah:

i. Menganggap Pendengar Yang Mempunyai Maklumat Seperti Tidak Mempunyai Maklumat.¹

Teknik ini dapat dilihat apabila kita memberitahu orang yang tidak menunaikan solat dengan kata-kata *الصَّلَاةُ وَاجِبَةٌ* (solat itu wajib), sepatutnya ayat ini *ditaukīdkan* kerana pendengar sudah tahu tentang kewajipan solat, tetapi kerana keingkarannya maka ayat ini disampaikan tanpa *tauکید* seolah-olah pendengar tidak tahu bahawa solat itu wajib, orang yang tahu tetapi tidak mengamalkan apa yang diketahui samalah dengan orang yang tidak tahu atau orang jahil.

¹ Ibid, h 130

ii. Menganggap Pendengar Yang Tiada Maklumat Tentang Berita Seperti Mempunyai Maklumat Tetapi Masih Ragu-Ragu Terhadapnya.¹

Teknik ini terdapat pada firman Allah:

وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُغْرَقُونَ

Maksudnya: Janganlah engkau merayu kepadaku untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan sehingga mati lemas.

Surah al-Mu'minūn (23) : 27

Apabila Allah memerintah kepada nabi Nuh supaya membina sebuah perahu Allah berfirman kepadanya supaya jangan memohon daripadanya untuk menyelamatkan kaumnya, menyebabkan nabi Nuh ragu-ragu, dan seolah-olah bertanya kepada Allah apakah Allah akan menenggelamkan kaumnya, dan jawapan yang didapati ialah, sesungguhnya mereka ditenggelami, yang mana ayat ini dibawa dengan satu *taukīd* sebagai jawapan kepada keraguan tadi.

iii. Menganggap Pendengar Yang Mempunyai Maklumat Dan Ragu-Ragu Tentangnya, Seperti Orang Yang Mengingkarinya.²

Disebabkan pendengar membantah terhadap apa yang sudah diketahui tetapi tidak melakukan apa yang sepatutnya, pendengar yang ragu-ragu dengan maklumat dianggap seperti menolak maklumat tersebut, firman Allah:

ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيْتُونَ

Maksudnya: Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati.

Surah al-Muminun (23) : 15

¹ Ibid

² Ibid, h 129

Tiada siapa yang akan mengingkari kematian kerana ia pasti dirasai oleh manusia berbuktikan tiada siapa yang hidup panjang. Al-Quran juga telah menjelaskan berkali-kali tentang perkara ini, tetapi ayat ini *ditaukīdkan* dengan dua *taukīd* seolah-olah menganggap orang yang ragu-ragu tentang kematian itu mengingkarinya.

Sepatutnya ayat ini tidak *ditaukīdkan* dengan satu *taukīd* sahaja, tetapi apabila ungkapan ini ditujukan kepada orang yang tidak mengindahkan kematian dan tidak membuat persiapan untuk menemui ajal sedangkan dia sudah maklum bahawa ajal pasti datang pada bila-bila masa samalah dengan orang yang mengingkari kematian.

iv. Menganggap Pendengar Yang Mempunyai Maklumat Tetapi Mengingkarinya Seperti Orang Yang Tiada Maklumat Langsung.¹

Contohnya firman Allah:

وَاللَّهُمُّ إِلَهُ وَاحِدٌ

Maksudnya: Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa

Surah al-Baqarah (2) : 163

Iaitu satu ayat yang ditujukan kepada golongan Kafir yang sudah tahu tentang Keesaan Allah tetapi mereka mengingkarinya, ayat ini tidak *ditaukīdkan* kerana keingkaran mereka dianggap seperti tidak tahu akan hal ini

¹ Mahmud Syed Syaikhun (1990), *al-Balāghah al-Wāfiyyah*, Kahirah: Maktabah al-Kulliah al-Azhāriah, h.56

V. Menganggap Pendengar Yang Mempunyai Maklumat Dan Mengingkarinya Seperti Orang Yang Masih Ragu-Ragu Terhadapnya.¹

Keadaan ini boleh dilihat apabila diberitahu tentang kemuliaan akhlak kepada orang yang menafikannya seperti yang terdapat dalam pepatah Arab:

(إِنَّ الْجَاهَ بِالْمَالِ إِنَّمَا يَصْحَبُكَ مَا صَحَبَكَ الْمَالُ وَأَمَّا الْجَاهُ بِالْأَدَبِ فَأَنَّهُ غَيْرُ زَائِلٍ
عِنْدَكَ)

Maksudnya: Sesungguhnya kekayaan harta itu sementara, dan ia akan bersama kamu ketika kamu mempunyai harta tetapi kekayaan budi itu akan kekal bersama kamu selama-lamanya.

Kita dapat lihat ayat ini *ditaukīdkan* dengan satu *tauکید*, yang mana pada asalnya perlu ditegaskan dengan dua *tauکید*, kerana pendengar menafi akan hakikat kepentingan akhlak tetapi oleh kerana kita menganggap seolah-olah pendengar itu ragu terhadapnya, maka satu *tauکید* sahaja digunakan.

¹ Ibid, h. 57

3.5 PENGUAT *USLŪB KHABARĪ*¹

Untuk menegaskan perkhawaran yang berlaku, memerlukan beberapa cara dan partikel untuk menyokong dan menguatkannya. Cara-cara dan partikel tersebut digunakan sama ada digabungkan dengan perkataan yang terdiri daripada katanama (الْإِسْمُ) , atau kata kerja (الْفِعْلُ) atau *jumlah*. Antara cara yang digunakan dalam bahasa Arab untuk menguatkan *uslūb khabarī* ialah:²

3.5.1 Partikel *Taukīd* (*Hurūf al-Taukīd*)

Hurūf al-Taukīd ialah *hurūf* atau perkataan khusus yang digunakan untuk menguatkan ayat.

Antara *hurūf al-Taukīd* ialah:

a. اِنَّ/اَنَّ

Ialah huruf yang memasuki *jumlah* ' *ismiah*. Apabila huruf ini mendahului subjek dan predikat (الْمُبْتَدَأُ وَالْخَبْرُ) akan berlaku perubahan makna ayat dan perubahan baris pada ayat asal³, dalam aspek perubahan ayat, ayat yang menggunakan partikel ini maksudnya lebih kuat daripada ayat yang tiadanya.

¹ Selepas ini penulis akan menggunakan sama ada perkataan “penguat”, “huruf penegasan”, huruf *taukīd* dan partikel *taukīd* untuk menggantikan *harf taukīd*

² Ahmad al-Hāshimī, (tt) op cit h.48

³ اِنَّ menasabkan *ism* (menukarkan prediket yang terdiri daripada kata nama yang menunjukkan satu perkara (المفرد) daripada baris depan (اِنَّ) kepada baris di atas (اِنَّ) dan menukarkan prediket yang terdiri daripada perkataan yang menunjukkan dua perkara atau lebih (الْمُتَنَّى وَالْجَمْعُ) daripada berakhir dengan huruf *alif* dan *wāu* kepada huruf *ya*) dan *merafa* 'kan *khabar*: lihat : Baḥa' al-Dīn, Abdullah bin al-Aqīl al-Aqīlī al-Miṣr al-Ḥamdānī (1985), *Shar ibn 'Aqīl*, Damsyik, Dar al-Fikr, ct 2 1985, j2, h.3

إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُفٍ

Maksudnya: Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian

Surah al- Aşr (103) : 2

Ayat ini sekiranya tiada (إِنَّ) baris perkataan (الْإِنْسَانَ) akan berubah iaitu akan dibaca dengan baris di depan (الْإِنْسَانُ). Begitu juga maksud ayat ini juga berbeza sekiranya tiadanya (إِنَّ) iaitu akan hanya memberi maksud manusia dalam kerugian

b. لَامُ الْإِبْتِدَاءِ

Ialah huruf *lām* yang mendahului *mubtada'* atau *fi'l al-Mudari'* dalam ayat, ia tidak mengubah kedudukan atau baris *mubtada'* tetapi hanya menguatkan ayat.¹

وَلَا أَمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ

Maksudnya: Dan sesungguhnya seorang hamba wanita yang beriman itu lebih baik daripada wanita musyrik, sekalipun ia menarik hati kamu.

Surah al-Baqarah (2) : 221

Lām ini selain memasuki *mubtada'* ia juga digunakan sebelum *fi'l al-Mudari'* (فَعْلٌ) dan (خَبْرٌ إِنَّ) (الْمُضَارِعِ)

¹Abdul Ghanī al-Daqr (1998), *Mu'jam al-Nahw*, c 4 Beirut, Mu'assasah al-Risālah, h. 303

c. أَحْرَفُ التَّنْبِيهِ (huruf peringatan)

Iaitu (ألا) yang dimasukkan didepan *jumlah ismiyyah* atau *jumlah fi'liyyah* untuk memberi peringatan, ia tidak mengubah baris perkataan¹ seperti dalam ayat:

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui.

Surah al- Baqarah (2) : 13

d. نُونُ التَّوَكُّدِ

Ialah huruf *nūn* yang dimasukkan di hujung *fi'el al-Muḍari'* untuk menguatkan lagi ayat, *nūn taukīd* terbahagi kepada dua iaitu *nūn taukīd khafīfah* atau *nūn* berbaris mati dan *nūn taukīd thaqīlah* iaitu *nūn* bersabdu. Kedua-dua *nūn* tadi akan mempengaruhi makna *fi'el al-Muḍari'* dalam ayat, kerana apabila dimasukkan nun tersebut dia akan melenyapkan fungsi *fi'el al-Muḍari'* yang memberi pengertian peristiwa akan datang tetapi ia akan memberi maksud peristiwa yang berlaku sekarang sahaja, dari aspek penguatannya *nūn taukīd thaqīlah* lebih kuat fungsinya berbanding *ūun taukīd khafīfah*². Antara contoh ayat yang dikuatkan dengan *nūn taukīd* ialah:

وَلَيْن لَّمْ يَفْعَلْ مَا ءَامُرُهُ لَيَسْجَنَنَّ وَلَيَكُونَا مِّنَ الصَّاغِرِينَ ﴿١٢١﴾

Maksudnya: dan sesungguhnya kalau ia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh tentulah ia akan dipenjarakan, dan akan menjadi orang yang hina.

Surah Yūsuf(12) : 32

¹ Ibid, h. 51

² Baḥa' al-Dīn, Abdullah bin al-Aqīl (1985), op cit. j 1, h..316

e. **قَدْ**

Ialah satu partikel yang mempunyai banyak maknanya, antaranya ialah menguatkan ayat apabila ia mendahului *fi'el mādi*,¹ antara contoh ayat al-Quran yang menggunakan partikel ini ialah

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman.

Surah al- Mu'minūn (23) : 1

Kadang-kadang ia juga digunakan pada *fi'l al-Muḍari'*, seperti dalam firman Allah:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَنْقَوْمِ لِمَ تَأْتُونِنِي وَقَدْ تَعْلَمُونَ أَنِّي
رَسُولٌ مِّنْ لَّدُنِّ اللَّهِ إِلَيْكُمْ

Maksudnya: Dan (Ingatlah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku, mengapa kamu menyakitiku sedangkan kamu mengetahui bahawa sesungguhnya aku ini pesuruh Allah kepada kamu”

Surah al-Ṣaf (61) : 5

f. **أَمَّا الشَّرْطِيَّةُ**

Iaitu perkataan yang digunakan pada *jumlah syart*,² dan memberi makna tentu atau pasti,³ *Sibawayh*⁴ telah mengatakan bahawa ayat seperti **أَمَّا زَيْدٌ فَذَاهِبٌ** (adapun zaid telah pergi) memberi erti **مَهْمَا يَكُنْ مِنْ شَيْءٍ فَرَيْدٌ ذَاهِبٌ** (walau apapun terjadi zaid tetap pergi),⁵ ini

¹ Ramli Badi' Ya'kub (tt), *Mausū'ah An-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rāb*, Dar al-'Ilm Li al-Malāyīn, h..418

² Ialah satu *jumlah* yang berada selepas **أَمَّا**

³ Abdul Ghanī al-Daqr (tt), *Mu'jam Al-Nahw*, Muassasah al-Risālah, h.60

⁴ Beliau ialah 'Amr bin Uthmān bin Qambar (140-180h), berasal dari Farsi dan merupakan ulama' Nahu yang terkenal, lihat Sibawayh, Abi Bashār 'Amr bin Uthmān bin Qambar (1998), *Kitāb Sibawayh*, c3 Kahirah: Maktabah al-Khanjī j1, h. 3

⁵ Abd al-Rahmān Al-Maṭridī (1986), *Asālib al-Taḥkīd Fī al-Qu'rān al-Karīm*, c1 Libia: al-Dār al-Māhiriyyah li al-Nasyr wa al-Tauzī' wa al-I'lan. h.247

menunjukkan kebenaran peristiwa dalam ayat tersebut. Biasanya **أَمَّا** digunakan bersama huruf **ف** pada jumlah jawap syarat.¹ Seperti dalam firman Allah:

فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ

Maksudnya: kalau orang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka

Surah al-Baqarah (1) : 26

Melihat kepada pandangan *Sibawaih* tadi, bolehlah kita tafsirkan ayat ini bahawa (walau apapun terjadi orang beriman tetap mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka). Penggunaan partikel ini sama dengan penggunaan *nūn*, bezanya perkataan ini hanya mempengaruhi aspek kekuatan makna sahaja tetapi tidak mempengaruhi aspek *i'rab* atau perubahan baris pada ayat asal. Partikel ini (أَمَّا) dinamakan juga (حَرْفُ الشَّرْطِ وَالنَّفْصِيلِ وَالنَّوْقِيعِ)

g. س- سَوْفَ

Ialah partikel yang mendahului *fi'l Muḍari'* yang memberi maksud akan datang, dan bertujuan untuk mengukuhkan ayat²

سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya: Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan

Surah al-Ṭalāq (65) : 7

Ayat yang terkandung **سَوْفَ** atau **سَ** tentu sekali berbeza dari segi kekuatannya, ayat yang mengandungi dua partikel ini sudah tentu lebih kuat dan meyakinkan pendengar.

¹ Ialah satu *jumlah* yang berada selepas *jumlah syarat*.

² Fu'ād Ni'mah (tt), *Mulakhhkas Qawā'id al-Lughah al-Arabiyyah*, ct 10, Kaherah:al-Maktabah al-'Ilmi Li al-Ta'rif, , h.153

h. الْقَسَمُ (sumpahan)

Ialah partikel penegasan yang digunakan pada *jumlah 'ismiah*,¹ sumpahan berlaku sama ada menggunakan huruf *wāu*, *ba'* atau *ta'*² seperti dalam firman Allah:

وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ ﴿٢﴾

Maksudnya: Demi Al-Quran yang mengandung hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh.

Surah Yasin (36) : 2

Firma Allah:

وَتَخْلِفُونَ بِاللَّهِ مِنْكُمْ

Maksudnya: Dan mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa sesungguhnya mereka dari golongan kamu.

Surah Al-Taubah (9) : 56

Dan sumpahan dengan *tā'* seperti:

وَتَأَلَّهُ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَمَكُمْ بَعْدَ أَنْ تُوَلُّوا مُدْبِرِينَ ﴿٥٧﴾

Maksudnya: Dan demi Allah, aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan rumah berhala ini.

Surah al-Anbiyā' (21) : 57

Ketiga-tiga ayat ini menunjukkan sumpahan dan menunjukkan kesungguhan orang yang bersumpah dan kebenaran kenyataan selepas sumpahan tersebut.

¹ Ialah ayat yang dimulakan dengan *'ism* atau kata nama

² Faḍl Hasan 'Abbās (2006), op.cit. h. 116

i. نُنْ

Iaituhuruf yang mendahului *fi'l al-Mudari'* dan menjazamkannya¹ serta memberi erti penafian buat selama-lamanya seperti dalam firman Allah:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Maksudnya: Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad)

Surah al-Baqarah (2) : 120

Penggunaan partikel ini dalam ayat ini menguatkan pendengar bahawa memang kaum Yahudi dan Nasrani tidak akan meredhai apa yang dianuti dan apa yang diperolehi oleh orang-orang Islam, sehinggalah orang-orang Islam mengikuti kehendak mereka.

j. ب (Harf al-Jar)

Merupakan huruf yang digunakan sebagai partikel yang menunjukkan maksud “di, dengan, pada” seperti (فِي) tetapi Ia juga boleh menguatkan ayat apabila ditambahkan dalam ayat yang berbentuk ²خَبْرٌ لَيْسَ dan bukan dimaksudkan dengan makna tadi.

Antara contoh ب yang ditambah pada خَبْرٌ لَيْسَ untuk tujuan *taukīd* ialah firman Allah:

أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمَ الْحَاكِمِينَ

Maksudnya: Bukankah Allah (yang demikian kekuasaanNya) seadil-adil Hakim?

Surah al-Ṭīn (95) : 8

¹ Iaitu menukarkan baris depan yang ada pada *fi'l al-Mudari'* kepada baris mati atau membuang huruf *nūn* yang terdapat pada الأفعال الخمسة, iaitu yang berakhir dengan huruf *yā' nūn*, *wāu nūn* atau *alif nūn* seperti (يَذْهَبَانِ - يَذْهَبُونَ - يَذْهَبِينَ)

² Faḍl Hasan 'Abbas (2005), op cit, h. 118

Huruf *bā'* yang terdapat didalam ayat ini adalah untuk menguatkan kenyataan atau kebijakan yang ada pada Allah.

3.5.2 Penambahan dan Pembuangan Perkataan (النِّكَرُ وَالْحَذْفُ)

Selaian daripada menggunakan partikel pengukuhan untuk *taukīd*, penambahan dan pembuangan perkataan sedia ada dalam ayat digunakan untuk tujuan *taukīd* atau menegaskan kebenaran berita, terutamanya pada perkara berkaitan hukum hakam yang ramai masih tidak mengambil berat dengannya.¹ Penambahan dan pengurangan perkataan dalam percakapan orang Arab sering berlaku terutamanya apabila mereka mahu menguatkan sesuatu perkara. Sekiranya orang Arab menghadapi dua situasi untuk memilih sama ada untuk membuang perkataan atau menambahkannya, mereka akan merujuk kepada sama ada buang atau tambah itu yang mana lebih memahamkan pendengar, mereka akan memilih yang terbaik untuk pendengar supaya maklumat yang disampaikan itu lebih jelas.²

Antara contoh penambahan perkataan dalam al-Quran boleh dilihat pada ayat:

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya.

Surah al-Baqarah (1) : 6

Dalam ayat ini perkataan yang ditambah ialah (أُولَئِكَ), kalaulah perkataan ini dibuang ia masih dapat difahami oleh pembaca, tetapi penambahan atau pengulangannya memperjelaskan lagi tentang kejayaan orang yang mendapat hidayah daripada Allah.

¹ Abd al-Rahmān al-Maidāni (2008), *al-Balāghah al-'Arabiyyah Ususuhā wa 'Ulūmuhā wa Funūnuhā*, c2 Damsyiq: Dar al-Qalam, h. 241

² Ibid.

3.5.3 Mendahulukan Dan Mengakhirkan Perkataan (التَّقْدِيمُ وَالتَّأْخِيرُ)

Antara kaedah yang digunapakai dalam menegaskan berita juga ialah dengan mendahulukan dan mengakhirkan perkataan (التَّقْدِيمُ وَالتَّأْخِيرُ). Mengikut pandangan ahli Nahu Arab, bahawa *jumlah* dalam bahasa Arab terdiri daripada *Jumlah 'ismiyah*, *Jumlah fi'liyah* dan *Shibh al-Jumlah*. *Jumlah 'ismiah* perlu didahulukan *mubtada'* sebagai pemula *jumlah* dan diikuti dengan *khobar* yang merupakan pelengkap kepada *jumlah*. Sebagai contoh dalam ayat الرَّحْمَنُ عَلَّمَ الْقُرْآنَ perkataan pertama iaitu الرَّحْمَنُ merupakan *mubtada'* dan perkataan kedua عَلَّمَ الْقُرْآنَ merupakan *khobar* atau predikat.

Begitulah dengan *Jumlah fi'liyah* dimana ayat dimulakan dengan *fi'l* dan diikuti *fa'il* dan *maf'ul bihi*¹. Tetapi kadang kala terdapat jumlah yang disusun berlaianan kaedah yang telah diterangkan tadi iaitu dengan didahulukan *khobar* sebelum *mubtada'*. Tujuan penyusunan seperti ini adalah untuk tujuan *taukīd*. Antara contoh penyusunan yang tidak mengikuti kaedah yang ditetapkan dalam nahu Arab ialah dalam ayat seperti إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ yang mana ianya didahulukan perkataan إِيَّاكَ yang pada kebiasaannya perlu berada selepas *fa'il*, tetapi dalam ayat ini didahulukan untuk tujuan *taukīd* bahawa hanya Engkau (Allah) yang kami mengabdikan diri.

¹ *Jumlah* yang menggunakan *fi'l al-Muta'addi. fi'l* (kata kerja) dalam bahasa Arab mengikut keperluannya kepada *maf'ul bihi* (objek) atau tidak perlu terbahagi kepada 2 jenis iaitu *fi'l al-Muta'addi* Iaitu *fi'l* yang memerlukan *maf'ul bihi* untuk melengkapkan maksudnya seperti أَكَلَ dan *fi'l al-Lāzim* iaitu yang cukup hanya dengan *fa'il* atau pelaku sahaja seperti جَلَسَ, lihat: Jeorg M, Abdul Massih (1985), *Mu'jam Qawā'id al-Lughah al-'Arabiyah Fi Jadwal wa Lauḥāt*, c2 Beirut: maktabah Lubnān, h. 119

3.5.4 Pengulangan Perkataan (التَّكْرَارُ)

التكرار ialah pengulangan perkataan dalam satu ayat, ulama' nahu menjelaskan bahawa pengulangan ini antaranya adalah untuk menguatkan kandungan ayat tersebut.¹

Pengulangan ini dapat dilihat seperti dalam ayat:

كَلَّا إِذَا دُكَّتِ الْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ۖ وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٨٩﴾

Maksudnya: Jangan sekali-kali bersikap demikian! apabila bumi dihancurkan segala yang ada di atasnya dan diratakan serata-ratanya Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah).

Surah al-Fajr (89) : 21-22

Dalam ayat ini dapat dilihat pengulangan perkataan untuk menguatkan kejadian pada hari kiamat.

Kesimpulannya, banyak teknik dan kaedah yang digunakan oleh ahli bahasa Arab dalam menguatkan kenyataan yang ingin disampaikan, samada dengan penambahan huruf tertentu pada perkataan, huruf-huruf ini dikenali sebagai huruf *taukīd*, atau dengan cara pengulangan perkataan tertentu, pembuangan dan penambahan perkataan dalam ayat. Kesemua ini adalah semata-mata untuk menguatkan ayat, supaya apa yang disampaikan kepada pendengar itu dipercayai dan diterima sepenuhnya.

Begitulah apa yang terdapat dalam al-Quran, banyak ayat yang menggunakan partikel-partikal yang telah disebutkan untuk menyampaikan wahyu agung ini kepada manusia. Jadi apa yang difahami di sini bahawa dalam menyampaikan sebarang berita atau

¹ Muhammad Abdullah Jamal al-Din bin Hishām al-Ansārī (1988), *Sharh Qatr al-Nadā Wa Ball al-Ṣadā*, Beirut, Dār al-Jīl, , h.303

maklumat kepada orang lain perlu menggunakan teknik tertentu untuk membuatkan pendengar lebih yakin dengan apa yang hendak disampaikan.

Perkhabaran yang benar-benar berlaku tentulah datang bukan sahaja melalui pengulangan kata-kata yang dikeluarkan oleh penyampai tetapi pasti dengan cara penggunaan perkataan-perkataan tertentu, supaya percakapan itu lebih menarik perhatian, seterusnya membuatkan pendengar menerima kenyataan yang disampaikan sepenuhnya.

Kita Perlu mengambil pengajaran daripada apa yang disampaikan dalam al-Quran terutamanya pada ayat-ayat yang menggunakan partikel penguat, kerana ayat yang mengandungi partikel seperti yang disebutkan itu mempunyai kepentingan dan hikmah di sebalik panyampaiannya. Cerita-cerita yang disampaikan dengan menggunakan partikel *taukīd* tentulah ada kebenarannya. Oleh itu kita sebagai manusia kenapa perlu meragui terhadap apa yang disampaikan oleh junjungan besar kita nabi Muhammad S.A.W. Oleh itu pengajaran yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran melalui ayat-ayat *taukīd* ini perlu diambil perhatian dan dijadikan sebagai iktibar kepada kita semua.

3.6 PERBEZAAN ANTARA *USLŪB KHABARĪ* DENGAN *USLŪB INSYĀ'Ī*

Dalam perbincangan ilmu al-Ma'ānī yang berkaitan dengan penggunaan *uslūb* bersesuaian dengan situasi dan kehendak orang yang ingin menyampaikan ucapan. Topik perbincangan dalam ilmu ini hanya tertumpu kepada dua perkara penting iaitu *uslūb khabarī* dan *uslūb insyā'ī*. Kedua-dua ini masing-masing mempunyai pengertian dan maksud serta tujuan penyampaian tersendiri. Kedua-dua ini mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Dalam

bab ini sebagaimana yang dibincangkan di atas, penulis telah fokuskan kepada *uslūb khabarī*.

Walau bagaimanapun perlu dibincangkan juga serba sedikit mengenai *uslūb insyā'ī*, supaya pembaca dapat memahami kepentingannya dan seterusnya dapat membezakan antara keduanya.

Uslūb insyā'ī merupakan salah satu topik yang penting yang diperbincangkan dalam ilmu al-Maanī. Ia berkait rapat dengan kata-kata yang disampaikan kepada orang lain. Bezanya *uslūb* ini tidak digunakan untuk menyampaikan berita kepada orang lain, malah digunakan untuk meminta sesuatu berlaku sama ada sewaktu percakapan dikeluarkan dan sebagainya.

uslūb insyā'ī juga banyak terdapat dalam ayat-ayat al-Quran, terutamanya pada arahan, sama ada arahan itu disampaikan oleh Allah kepada makhluknya, atau permintaan yang dipohon daripada makhluk kepada Tuhannya. Sebagai contoh dalam firman Allah:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Mohammad) wahai orang-orang kafir

Surah al-Kāfirūn (109) :1

Ayat ini menerangkan tentang suruhan Allah terhadap rasulnya iaitu nabi Mohammad S.A.W supaya berkata sesuatu kepada orang-orang kafir. Ayat ini merupakan suruhan atau permintaan dan ia tidak mengandungi unsur kenyataan sama ada benar atau tidak. Disini penulis membuat kesimpulan terhadap *uslūb khabarī* dan *uslūb insyā'ī*, supaya pembaca

nampak lebih jelas perbezaan antara kedua *uslūb* ini, di mana perbezaannya seperti dalam jadual berikut:

Perkara	Perbezaan	
	<i>Uslūb Khabarī</i>	<i>Uslūb Insyā'ī</i>
Definisi	Ialah kata-kata yang mengandungi kebenaran dan pendustaan	Kata-kata yang diperkatakan untuk menghendaki belaku sesuatu seperti permintaan atau larangan dan tidak mengandungi unsur kebenaran atau dusta
Bahagian	<i>Khabar ibtida'i</i> <i>Khabar ṭalabī</i> <i>Khabar inkārī</i>	<i>Insyā' ṭalabī</i> : menunjukkan permintaan untuk melakukan sesuatu <i>Insyā'ā ghair ṭalabī</i> : ialah yang tidak menunjukkan permintaan
Tujuan asal penyampaian	Memberitahu pendengar terhadap apa yang terkandung dalam ayat atau memberitahu pendengar bahawa penyampai khabar mengetahui apa yang disampaikan	Mengandungi 5 tujuan utama iaitu: 1-Suruhan 2-Larangan 3-Bercita-cita 4-Pertanyaan 5-Seruan
Tujuan Balaghah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memohon Rahmat Dan Belas Kasihan 2. Melahirkan Keluhan Dan Kekecewaan 3. Mengungkapkan Kelemahan 4. Melahirkan kegembiraan 5. Ejekan 6. Memberi peringatan Dan lain-lain lagi 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi petunjuk 2. Memberi i'tibar 3. Memberi pilihan 4. Memberi kesamaan 5. Mengugut 6. Memberi Peringatan Dan sebagainya.
Pembentukan ayat	Menggunakan <i>jumlah khabariyyah</i> yang terdiri daripada (الفعل والفاعل) atau (مبتدأ) (مبتدأ) sama ada dengan menggunakan <i>taukīd</i> atau tanpa <i>taukīd</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1- Suruhan- menggunakan: <i>فِعْلُ الأَمْرِ، وَالْمُضَارِعُ المَقْرُونُ بلام الأَمْرِ، واسمُ فِعْلِ الأَمْرِ، والمُضَدُّ النَّائِبُ عَنِ فِعْلِ الأَمْرِ</i>¹ 2- Larangan: menggunakan <i>فِعْلُ مُضَارِعُ</i> yang disertai dengan <i>لَا مِ النَّهْيِ</i> (larangan) 3- Seruan menggunakan <i>يَا</i> - 4- Pertanyaan <i>هَلْ أ</i> 5- Berangan-angan <i>لَوْ - لَأَيْتَ لَعَلَّ</i>

¹ 'Alī al-Jārim (tt), op cit, h 204

Kesimpulannya, dari jadual di atas dapatlah dilihat perbezaan antara *uslūb khabarī* dengan *uslūb insyā'ī*. Kelua-dua *uslūb* ini jelas memberi kesan yang mendalam dalam percakapan manusia dan kedua-duanya mempunyai keistimewaan tersendiri. Kedua-dua *uslūb* ini juga dapat digunakan dalam percakapan harian untuk mencapai maksud yang dikehendaki. *Uslūb khabarī* boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat manakala *uslūb insyā'ī* pula boleh digunakan untuk meminta sesuatu dan sebagainya.

3.7 PENGGUNAAN *USLŪB* TIDAK MENGIKUT KEHENDAK ASALNYA

Uslūb khabarī sebagaimana telah dibincangkan, bentuknya adalah mengandungi *mubtada'* dan *khabar* atau *fi'l* dan *fā'il* dan tidak mengandungi perkataan yang digunakan untuk *uslūb insyā'ī* seperti *fi'l al-Amr*, *Lā al-Nāhiyah*, *harf al-Nidā'* dan sebagainya, dan *uslūb khabarī* biasanya digunakan untuk menceritakan sesuatu.

Begitulah *uslūb insyā'ī*, ia tidak akan digunakan melainkan pada ayat yang terkandung di dalamnya perkataan yang menunjukkan arahan, seruan dan sebagainya, dalam aspek kandungan ayat pula, *uslūb insyā'ī* menjurus kepada arahan, larangan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, dalam penggunaan *uslūb khabarī* dan *uslūb insyā'ī* ini kadang-kadang berlaku di sebaliknya, iaitu ayat berbentuk *uslūb khabarī* digunakan untuk *uslūb insyā'ī*. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah:¹

¹ Bisyūnī Abd al-Fattah Fayyūd (2004), '*ilm al-Ma'āni Dirāsāt Balāghiyah wa al-Naqdiyah li 'ilm al-Ma'āni*', c2 Kaherah: Mu'assasah al-Mukhtār li al-Nasyr wa al-Tauzi, h 343

1. Untuk mengelak daripada berlaku sesuatu dengan arahan, sebagai contoh sekiranya kita inginkan sesuatu berlaku tetapi tidak mahu menggunakan arahan tetapi menggantikannya dengan ayat-ayat yang lebih sopan dan tidak mengandungi unsur suruhan seperti “saya suka sekiranya awak datang berjumpa saya”
2. Untuk mengharapkan sesuatu yang diinginkan berlaku, sebagai contoh apabila kita melafazkan kata-kata seperti (تَأْتِينِي غَدًا) bermaksud awak akan datang berjumpa saya besok, lafaz ini merupakan arahan tetapi tidak berbentuk arahan kerana ingin kedatangan itu berlaku.

Begitu juga di dalam al-Quran, perkara luar biasa yang tidak terduga oleh pemikiran manusia sentiasa berlaku, kita sering lihat dalam al-Quran *uslūb insyā’ī* yang disampaikan dalam bentuk *uslūb khabarī* dan begitu juga *uslūb khabarī* yang disampaikan dalam bentuk *uslūb insyā’ī*

Kesimpulan, Dalam bahasa Arab terdapat dua *uslūb* yang utama iaitu *uslūb khabarī* dan *uslūb insyā’ī*. *uslūb insyā’ī* digunakan untuk tujuan memohon sesuatu dari pihak kedua, manakala *uslūb khabarī* memainkan peranan penting dalam menyampaikan berita kepada pendengar . Penggunaannya adalah untuk dua tujuan utama, tujuan pertama dan merupakan tujuan asal penggunaannya iaitu untuk menyampaikan berita dan menguatkan kebenaran berita. Tujuan kedua penggunaa *uslūb khabarī* ialah tujuan balaghah iaitu bukan sahaja menyampaikan berita tetapi mempunyai tujuan lain di sebalik ayat yang disampaikan, antara tujuana-tujuan balaghah ialah memberi peringatan, mengejek, menunjukkan kebanggaan dan sebagainya

Uslūb khabarī terbentuk daripada *musnad* dan *musnad ilayh* iaitu *jumlah ismiyah* dan *jumlah fi'liyah*, ia terbentuk dengan tanpa partikel *taukīd* atau penambahan huruf *taukīd* atau kaedah-kaedah lain yang digunakan dalam tata bahasa Arab untuk tujuan *taukīd* seperti penambahan huruf, pengulangan perkataan dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, kadangkala berlaku percanggahan penggunaan kedua-dua *uslūb* ini di dalam bahasa Arab, *uslūb khabarī* digunakan untuk tujuan *insyā'ī* dan *uslūb insyā'ī* digunakan untuk tujuan *khabarī*, semua ini adalah menunjukkan keindahan penyusunan dan penggunaan bahasa arab dalam menyampaikan maksud yang dikehendaki kepada pendengar.